

TAJUK:

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPOPULARITI PAKAIAN
DALAM WANITA, (KHUSUSNYA COLI).**

oleh

Rohaiza binti Haji Muslim.

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

Ketua Kajian

Kajian Senilukis & Senireka,

I.T.M Shah Alam,

Selangor.

Isi Kandungan

	Halaman
Pendahuluan	
Penghargaan	i
Senarai Soalan Kaji Selidik	ii - vii
Jawapan Berdasarkan Pilihan Minoriti	viii - ix
Senarai Slide	
Bab	
1 Sejarah Triumph	1 - 3
Pengenalan Dan Latarbelakang Syarikat	4 - 5
Jenis-jenis Pakaian Dalam Zaman Awal	6 - 7
2 Difinasi Pakaian Dalam	8 -
Jenis-jenis Pakaian Dalam	- 11
Ilustrasi Jenis-jenis Coli	12 - 13
Fungsi Dan Kepentingan Pakaian Dalam	14 - 18
3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kepopulariti Pakaian Dalam Wanita,	19 -
Beberapa Perkara Yang Perlu Diketahui Dalam Menentukan Kesesuaian Pakaian Dalam	- 20
a. Ditinjau dari peringkat awal pembuatan	
ai. Bahan mentah	
i. bahan mentah utama	
ii. bahan mentah sampingan	
a ii Ujian ke atas bahan mentah	21 - 25

Pendahuluan

Meyedari akan kepentingan pakaian dalam terhadap wanita, telah menimbulkan minat saya untuk memilih topik ini sebagai bahan kajian. Hasil dari soal selidik yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, Alor Setar dan sekitar Kulim serta Parit Buntar, Perak didapati banyak perkara yang belum diketahui oleh wanita, walaupun pakaian dalam sering digunakan.

Tujuan saya memilih dua kawasan yang berbeza ini adalah untuk melihat sejauhmana sambutan dan kesedaran masyarakat kota dan luar bandar terhadap pakaian dalam.

Tesis saya ini lebih menekankan kepada pakaian dalam, khususnya coli. Coli merupakan pakaian dalam yang terpenting kerana apabila disebut pakaian dalam, wanita terus terbayang akan coli atau baju dalam ini.

Untuk tujuan tersebut pada 21 hingga 30 hari bulan November 1988 yang lalu, saya telah ke 'Body Fashion (M) Sdn. Bhd.' untuk menimba sedikit pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan. Semoga dengan terhasilnya tesis ini, akan memberi faedah dan panduan kepada kaum wanita.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Cik Zurina Ariffin, Puan Sharifah dan Encik Aziz, iaitu pegawai-pegawai yang bertugas di 'Body Fashion (M) Sdn. Bhd. Kulim Kedah kerana memberi kerjasama dalam menjayakan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga kepada keluarga, pensyarah, rakan-rakan dan pengunjung-pengunjung pusat membeli-belah di sekitar Kuala Lumpur, Alor Setar dan Kulim yang telah memberikan kerjasama dalam penyelidikan ini.

BAB SATU

Sejarah Triumph

Dewasa ini terdapat lebih dari sepuluh buah syarikat yang membuat pakaian dalam wanita yang mempunyai berbagai jenama seperti Triumph, Wacaol, Maidenform, Panfit, Caelygirl, lilian dan sebagainya.

Triumph menjadi pilihan wanita kerana potongan nya yang sesuai dengan wanita Asia. Mungkin juga disebabkan Triumph telah lama bertapak di pasaran dan telah memahami citarasa dan kehendak wanita.

Dilihat dari segi sejarah, Triumph bermula dengan tertubuhnya Syarikat Perkongsian Spiesshofer dan Broun Ogh. oleh Gottfried Spiesshofer dan Michael Broun di Haubach Wuerttemberg, German Barat, iaitu dalam tahun 1886.

Syarikat ini bermula dengan seramai seratus lima puluh orang dan sembilan puluh buah mesin. Jenama Triumph didaftarkan dalam tahun 1892. Apabila Johann Gottfried meninggal dunia, ia digantikan oleh anaknya Fritz Spiesshofer. Pada ketika itu terdapat dua ribu empat ratus pekerja.

Pada tahun 1924 permintaan kepada pakaian dalam seperti koset tidak begitu menggalakkan. Ini telah menimbulkan idea kepada syarikat ini untuk mempelbagaikan pengeluarannya. Syarikat ini mula membuka kilang-kilang menenun benang untuk membuat tuala dan jubah mandi.

Pada tahun 1926 syarikat ini mula bertapak di negara asing iaitu di Zurzach, Switzerland, dan pada tahun 1938, Dr. Herbert Broun, anak kepada Michael menjadi pengurus dan berusaha dengan gigih untuk memajukan lagi syarikat ini.

Dr. Herbert bercita-cita ingin terus maju dan

berusaha menjadikan syarikat ini sebagai pengeluar koset yang utama di Eropah. Seterusnya dalam tahun 1953 bertanggungjawab menukar syarikat ini kepada 'Triumph International' dan mula membuka cawangan-cawangan di seluruh pelusuk dunia seperti di Belgium, Great Britain, Sweden, Itali, Finland, Perancis, Denmark, Norway dan Netherland.

Sementara dalam tahun-tahun enam puluhan pula Triumph International bertapak pula di Hong Kong 1960, Portugal 1961, Lebanon, Spanyol 1963, Singapura dan Malaysia pada tahun 1968'.

Pada tahun 1961 Triumph International mempunyai seramai empat belas ribu orang pekerja dan telah menjadi sebuah syarikat yang begitu matang dan berpengalaman dalam bidang rekaan dan teknik pembuatan. Perkembangan dari segi tekstil terutamanya penciptaan jenis kain yang boleh memeri juga membantu syarikat ini untuk terus berkembang maju.

Dimana dalam tahun 1962 syarikat ini mula memperkenalkan pakaian mandi pula. Sementara dalam tahun 1966, Triumph memperbesarkan lagi pengeluarannya kepada bahagian pakaian dalam pula. Pada masa ini Gunther Spiesshofer menjadi pengarah di peringkat antarabangsa dan bertanggungjawab memperkenalkan Triumph ke negara Jepun.

Triumph International terus berkembang maju dan mempunyai pekerja seramai sembilan belas ribu orang dan keuntungan tahunan meningkat kepada lima ratus lima puluh juta dollar. Dalam tahun 1969, anak syarikat Trimph International yang terdapat di Argentina, Australia dan Cape Town Afrika Selatan telah berada dalam keadaan yang stabil. Begitu juga di Malaysia dan Singapura.